

MAJLIS PEMBUKUSAN JUADAH HARI RAYA AIDILFITRI



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5064-majlis-pembukusan-juadah-hari-raya-aidilfitri

IPOH, 29 Mei 19 - Majlis Pembungkusan dan Penyerahan Juadah Hari Raya peringkat Negeri Perak telah diadakan di Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Program ini adalah kerjasama di antara Kerajaan Negeri Perak dan semua badan beruniform yang bertugas di Negeri Perak. Penglibatan semasa pembungkusan adalah seramai 500 anggota dan pegawai dari pelbagai pasukan beruniform. Sumbangan telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar Perak Dato' Seri Ahmad Faizal Azumu.

Program tahunan ini sedikit sebanyak dapat mengeratkan hubungan akademi dengan kerajaan setempat.

